

Newspaper	Harakah
Date	30 November 2015

## Pengiktirafan besar kepada Dr Burhanuddin al-Helmi

Harakah - 30/11/2015

BADAN Perhubungan PAS Perak menjunjung kasih ke Bawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Dr Nazrin Muizzuddin Shah Ibnu Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, atas pengurniaan Darjah Seri Paduka Mahkota Perak (SPMP) kepada Almarhum Dr Burhanuddin bin Muhammad Nur al-Helmi.

Pengurniaan darjah oleh baginda Sultan menunjukkan kasih hormat baginda terhadap anak watan negeri Perak yang bukan sahaja menabur bakti kepada negeri tetapi juga kepada negara.



Dr Burhanuddin al-Helmi

Pengurniaan darjah SPMP kepada Dato' Seri Dr Burhanuddin al-Helmi merupakan satu pengiktirafan besar kepada pejuang-pejuang kemerdekaan dari kalangan

ulama yang merupakan tulang belakang utama kepada gerakan menentang penjajah.

Dato' Seri Dr Burhanuddin al-Helmi selayaknya mendapat pengiktirafan tersebut sebagai seorang negarawan unggul walaupun beliau kemudiannya berperanan memimpin parti pembangkang, iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS) selepas negara mencapai kemerdekaan.

**DR MOHD ZUHDI  
MARZUKI**

Ketua Penerangan PAS  
Perak  
27 November 2015  
/15 Safar 1437